# PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

## Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku kedua 2016. Pada suku ini, kadar antara bank semalaman purata diniagakan dalam julat 3.05% hingga 3.24% manakala kadar antara bank jangka pendek lain dengan tempoh matang sehingga 1 bulan kekal stabil. Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR), seperti juga niaga hadapan KLIBOR, terus menjadi sederhana berikutan berkurangnya keperluan pendanaan jangka panjang oleh peserta antara bank. Swap kadar faedah terus menunjukkan trend yang menurun pada suku ini, mencerminkan kadar hasil lebih rendah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS). Kadar asas (BR) purata berwajaran bagi bank perdagangan dan kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran secara relatif kekal stabil pada suku kedua, masing-masing pada 3.83% dan 5.42% (S1 2016: masing-masing 3.79% dan 5.41%).

Pada 13 Julai 2016, MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Pelarasan terhadap OPR ini bertujuan untuk menyesuaikan tahap akomodatif monetari agar terus konsisten dengan pendirian dasar untuk memastikan ekonomi dalam negeri terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil dalam keadaan inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang terus kukuh. Keadaan ini berlatarkan persekitaran peningkatan risiko bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih rendah. Berikutan pengurangan OPR, KLIBOR 3 bulan menyusut 25 mata asas daripada 3.65% kepada 3.40%. Pada akhir bulan Julai, BR purata wajaran bank perdagangan menurun sebanyak 21 mata asas kepada 3.62% (akhir bulan Jun: 3.83%), dengan kebanyakan bank menurunkan BR antara 20 hingga 25 mata asas. Oleh itu, kadar deposit tetap secara purata merosot sebanyak 18 mata asas untuk tempoh matang 1 tahun atau kurang.

**Kadar Faedah**

| | 2015 | 2016 | |
|---|---|---|---|
| | S2 | S1 | S2 |
| | Pada akhir tempoh (%) | | |
| Kadar Dasar Semalaman (OPR) | 3.25 | 3.25 | 3.25 |
| Kadar antara bank | | | |
| Semalaman | 3.24 | 3.04 | 3.13 |
| 1 bulan | 3.48 | 3.25 | 3.44 |
| Kadar pinjaman asas (BLR) | | | |
| Bank perdagangan | 6.79 | 6.80 | 6.82 |
| Kadar asas purata berwajaran (BR) | | | |
| Bank perdagangan | 3.79 | 3.79 | 3.83 |
| Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran | | | |
| Bank perdagangan | 5.44 | 5.41 | 5.42 |
| Kadar deposit tetap | | | |
| Bank perdagangan | | | |
| 1 bulan | 3.08 | 3.08 | 3.08 |
| 12 bulan | 3.31 | 3.31 | 3.29 |

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah**




Sumber: Bloomberg

**Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan**




Sumber: Bursa Malaysia

## M3 berkembang pada suku kedua

Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM9.7 bilion pada suku kedua. Pada asas tahunan, M1 meningkat 0.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: -1.7%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM7.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 1.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 0.9%).

Dari segi penentu wang secara luas, peningkatan M3 pada suku tersebut didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang berterusan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh terbitan ekuiti secara berterusan oleh bank-bank dan pengelasan semula Akaun Pelaburan Islam pada bulan Julai 2015, yang kesemuanya dicerminkan dalam komponen *pengaruh lain*.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif kekal stabil pada suku tersebut.

**Agregat Monetari**




Nota: Mulai bulan Julai 2015, penyusunan M3 diselaraskan untuk tidak mengambil kira Akaun Pelaburan Islam (Islamic Investment Account, IA) disebabkan oleh pengelasan semula data. Ini dicerminkan sebagai sumbangan negatif melalui *pengaruh lain*. Garis titik mewakili pertumbuhan M3 sekiranya pengelasan semula ini tidak dilaksanakan

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Penentu Wang Secara Luas, M3**

| | Perubahan pada tempoh | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2015 | | 2016 | | |
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | RM bilion | | | | |
| **M3** | **-7.5** | **27.9** | **9.4** | **7.0** | **16.5** |
| Tuntutan bersih terhadap Kerajaan | -20.4 | -25.1 | -0.9 | -1.9 | -2.8 |
| Tuntutan terhadap sektor swasta | 23.2 | 51.6 | 11.2 | 22.3 | 33.5 |
| *Pinjaman* | *22.3* | *47.5* | *10.6* | *16.9* | *27.5* |
| *Sekuriti* | *0.9* | *4.1* | *0.6* | *5.5* | *6.0* |
| Aset asing bersih[1] | -3.5 | 2.6 | -19.7 | 7.8 | -11.9 |
| *BNM* | *8.2* | *-9.0* | *-26.9* | *8.6* | *-18.3* |
| *Sistem Perbankan* | *-11.7* | *11.7* | *7.2* | *-0.8* | *6.4* |
| Pengaruh lain | -6.7 | -1.3 | 18.8 | -21.2 | -2.4 |

[1] Selepas penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada suku kedua

Pada suku kedua, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP), dan pasaran modal berjumlah RM292.1 bilion (S1 2016: RM290.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan, IKP, dan terbitan bon korporat terkumpul berkembang 6.9% pada akhir bulan Jun (akhir Mac 2016: 7.5%).

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak RM3.1 bilion pada suku kedua (S1 2016: -RM4.8 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat lebih perlahan pada 3.8% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 4.9%) disebabkan oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding pengeluaran pinjaman. Walaupun pertumbuhan dalam jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP kepada perniagaan menurun kepada 0.1% pada asas tahunan, paras pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS meningkat kepada RM66.4 bilion pada suku kedua 2016 (S2 2015: RM65.4 bilion) dengan pinjaman diberikan terutamanya kepada sektor *pembinaan*, *harta tanah* dan *pertanian*.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah berkembang sebanyak RM12.4 bilion pada suku kedua (S1 2016: RM8.5 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 6.2% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 6.5%), mencerminkan terutamanya pinjaman terkumpul yang lebih sederhana untuk *pembelian harta bukan kediaman*, *pembelian kereta penumpang*, dan *pembelian harta kediaman*.

**Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dan Pasaran Modal**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Pemberian Pinjaman kepada PKS**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

| | 2015 | | 2016 | | | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | |
| **Jumlah pembiayaan kasar** | **295.5** | **586.2** | **290.8** | **292.1** | **582.9** | **2.2** | **1.2** | **0.0** | **-1.1** | **-0.6** |
| Pengeluaran pinjaman | 272.1 | 547.2 | 271.8 | 269.9 | 541.7 | 2.2 | 2.8 | -1.2 | -0.8 | -1.0 |
| Bon korporat (BK) kasar[1] | 20.1 | 31.1 | 17.9 | 20.1 | 38.0 | 13.5 | -17.7 | 63.0 | 0.1 | 22.3 |
| Ekuiti | 3.3 | 8.0 | 1.1 | 2.1 | 3.1 | -36.4 | -15.0 | -76.8 | -37.4 | -60.5 |
| **Jumlah pembiayaan bersih** | **34.3** | **61.5** | **11.5** | **24.9** | **36.5** | **8.1** | **8.1** | **7.5** | **6.9** | **6.9** |
| Pinjaman terkumpul (Sistem perbankan* dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) | 27.8 | 51.2 | 4.6 | 17.2 | 21.8 | 8.7 | 8.7 | 6.3 | 5.5 | 5.5 |
| BK terkumpul | 6.4 | 10.2 | 7.0 | 7.7 | 14.7 | 6.1 | 6.1 | 11.4 | 11.5 | 11.5 |
| Memorandum | | | | | | | | | | |
| BK kasar[2] | 20.5 | 31.9 | 18.4 | 20.1 | 38.5 | 10.8 | -18.2 | 60.5 | -1.9 | 20.4 |

* Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pinjaman Mengikut Sektor (Sistem Perbankan dan IKP)

| | Pengeluaran pinjaman | | | | | | Pinjaman terkumpul |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | | Bahagian drpd. jumlah | Bahagian drpd. jumlah |
| | | | | | | (%) | |
| | S2 2015 | ST1 2015 | S1 2016 | S2 2016 | ST1 2016 | | |
| **Perusahaan perniagaan[1,*]** | **194.2** | **387.3** | **195.9** | **194.4** | **390.3** | **72.0** | **42.5** |
| *Syarikat besar[1]* | *128.9* | *254.1* | *133.5* | *128.0* | *261.5* | *48.3* | *24.6* |
| *PKS** | *65.4* | *133.2* | *62.4* | *66.4* | *128.8* | *23.8* | *17.8* |
| *Sektor terpilih[1]* | | | | | | | |
| Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan | 11.5 | 21.1 | 12.0 | 12.4 | 24.4 | 4.5 | 2.8 |
| Perlombongan dan kuari | 4.3 | 11.4 | 1.8 | 2.1 | 3.9 | 0.7 | 0.7 |
| Perkilangan | 52.3 | 103.2 | 49.9 | 49.5 | 99.3 | 18.3 | 6.4 |
| Pembinaan | 15.7 | 33.5 | 17.2 | 16.6 | 33.8 | 6.2 | 4.6 |
| Harta tanah | 12.1 | 25.3 | 12.6 | 14.7 | 27.4 | 5.0 | 6.4 |
| Bekalan elektrik, gas dan air | 2.6 | 5.0 | 2.4 | 2.7 | 5.1 | 0.9 | 0.8 |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel | 50.0 | 97.7 | 49.1 | 51.1 | 100.2 | 18.5 | 6.9 |
| Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi | 6.8 | 13.5 | 5.6 | 8.3 | 13.9 | 2.6 | 2.5 |
| Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan | 23.4 | 48.5 | 28.7 | 26.5 | 55.1 | 10.2 | 3.2 |
| **Isi rumah** | **77.9** | **159.8** | **75.9** | **75.6** | **151.5** | **28.0** | **57.5** |
| Pembelian harta kediaman | 21.8 | 43.1 | 20.3 | 19.7 | 40.0 | 7.4 | 27.5 |
| Kredit penggunaan | 45.1 | 92.8 | 45.9 | 46.8 | 92.7 | 17.1 | 19.8 |
| *Antaranya:* | | | | | | | |
| *Kad kredit* | *24.3* | *50.9* | *26.3* | *26.2* | *52.5* | *9.7* | *2.2* |
| *Pembelian kereta penumpang* | *9.5* | *20.4* | *8.7* | *8.6* | *17.3* | *3.2* | *9.2* |
| Lain-lain | 11.0 | 24.0 | 9.7 | 9.1 | 18.8 | 3.5 | 10.2 |
| **Jumlah** | **272.1** | **547.2** | **271.8** | **269.9** | **541.7** | **100.0** | **100.0** |

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, Kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Penunjuk Pinjaman

| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2015 | | 2016 | | | 2015 | | 2016 | | |
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| **Jumlah** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman[1] | 208.2 | 386.8 | 187.7 | 212.6 | 400.3 | 0.5 | -1.6 | 5.1 | 2.1 | 3.5 |
| Kelulusan pinjaman[1] | 102.5 | 196.5 | 76.7 | 89.5 | 166.2 | 4.5 | 3.8 | -18.4 | -12.7 | -15.4 |
| Pengeluaran pinjaman[2] | 272.1 | 547.2 | 271.8 | 269.9 | 541.7 | 2.2 | 2.8 | -1.2 | -0.8 | -1.0 |
| Bayaran balik pinjaman[2] | 252.0 | 518.7 | 275.8 | 264.7 | 540.5 | 2.1 | 3.6 | 3.4 | 5.0 | 4.2 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul*[,2] | 27.8 | 51.2 | 4.6 | 17.2 | 21.8 | 8.7 | 8.7 | 6.3 | 5.5 | 5.5 |
| **Antaranya:** | | | | | | | | | | |
| **Perusahaan perniagaan[3]** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 97.8 | 176.3 | 87.8 | 102.7 | 190.5 | 7.2 | -0.7 | 12.0 | 5.0 | 8.1 |
| Kelulusan pinjaman | 47.0 | 86.9 | 35.7 | 43.6 | 79.3 | 33.8 | 24.2 | -10.4 | -7.2 | -8.7 |
| Pengeluaran pinjaman | 194.2 | 387.3 | 195.9 | 194.4 | 390.3 | 5.0 | 3.8 | 1.4 | 0.1 | 0.8 |
| Bayaran balik pinjaman | 182.2 | 377.0 | 201.0 | 192.5 | 393.5 | 1.8 | 3.9 | 3.2 | 5.6 | 4.4 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 9.1 | 18.9 | -4.8 | 3.1 | -1.6 | 8.0 | 8.0 | 4.9 | 3.8 | 3.8 |
| **PKS** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 50.8 | 93.2 | 41.0 | 47.0 | 87.9 | 9.0 | 3.5 | -3.3 | -7.5 | -5.6 |
| Kelulusan pinjaman | 16.8 | 32.7 | 14.2 | 16.6 | 30.7 | 3.7 | 4.6 | -10.9 | -1.5 | -6.1 |
| Pengeluaran pinjaman | 65.4 | 133.2 | 62.4 | 66.4 | 128.8 | 12.4 | 16.0 | -8.1 | 1.6 | -3.3 |
| Bayaran balik pinjaman | 62.4 | 123.7 | 61.8 | 67.5 | 129.3 | 13.8 | 13.9 | 0.9 | 8.1 | 4.5 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 7.0 | 22.0 | 2.9 | 8.1 | 11.0 | 16.7 | 16.7 | 9.0 | 9.2 | 9.2 |
| **Syarikat besar[3]** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 47.0 | 83.1 | 46.8 | 55.7 | 102.6 | 5.4 | -5.0 | 29.9 | 18.5 | 23.4 |
| Kelulusan pinjaman | 30.2 | 54.2 | 21.6 | 27.1 | 48.6 | 59.7 | 40.1 | -10.0 | -10.4 | -10.2 |
| Pengeluaran pinjaman | 128.9 | 254.1 | 133.5 | 128.0 | 261.5 | 1.6 | -1.7 | 6.6 | -0.7 | 2.9 |
| Bayaran balik pinjaman | 119.8 | 253.3 | 139.2 | 125.0 | 264.2 | -3.5 | -0.5 | 4.3 | 4.3 | 4.3 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 2.1 | -3.1 | -7.7 | -5.0 | -12.7 | 1.5 | 1.5 | 1.5 | -0.9 | -0.9 |
| **Isi rumah** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 110.4 | 210.5 | 99.9 | 109.9 | 209.7 | -4.8 | -2.3 | -0.2 | -0.5 | -0.4 |
| Kelulusan pinjaman | 55.0 | 108.6 | 40.6 | 45.9 | 86.0 | -11.9 | -8.1 | -24.3 | -17.3 | -20.8 |
| Pengeluaran pinjaman | 77.9 | 159.8 | 75.9 | 75.6 | 151.5 | -4.2 | 0.4 | -7.4 | -3.0 | -5.2 |
| Bayaran balik pinjaman | 69.8 | 141.8 | 74.8 | 72.2 | 147.0 | 2.8 | 2.9 | 3.9 | 3.5 | 3.7 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 14.1 | 31.6 | 8.5 | 12.4 | 21.0 | 8.6 | 8.6 | 6.5 | 6.2 | 6.2 |

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh
[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran, bayaran balik dan perubahan pinjaman terkumpul bagi semua segmen meliputi sistem perbankan dan institusi pembangunan kewangan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan domestik, Kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pembiayaan bersih lebih tinggi daripada pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM33.4 bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: RM25.4 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor awam (RM23.6 bilion) melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5 tahun dan 10 tahun, serta pembukaan semula MGS 7 tahun, 20 tahun, dan 30 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 7 tahun, 10 tahun dan 15 tahun. Penebusan hutang Kerajaan lebih rendah pada RM2.2 bilion (S1 2016: RM7.0 bilion) dalam tempoh itu lantas menyumbang kepada peningkatan dana bersih yang diperoleh sektor awam.

## Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | RM bilion | | | | |
| **Oleh Sektor Awam** | **30.1** | **43.3** | **18.7** | **23.6** | **42.3** |
| Sekuriti Kerajaan, Kasar | 30.1 | 57.1 | 25.7 | 25.6 | 51.5 |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 12.5 | 26.0 | 12.1 | 16.2 | 28.3 |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan | 14.1 | 23.6 | 13.6 | 9.6 | 23.2 |
| Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan | 3.5 | 7.5 | - | - | - |
| Tolak: Penebusan | - | 13.8 | 7.0 | 2.2 | 9.2 |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | - | 11.8 | - | 2.2 | 2.2 |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan | - | 2.0 | 7.0 | - | 7.0 |
| Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan | - | - | - | - | - |
| **Oleh Sektor Swasta** | **9.1** | **17.4** | **6.7** | **9.8** | **16.5** |
| Saham | 3.3 | 8.0 | 1.1 | 2.1 | 3.1 |
| Bon korporat, Bersih | 5.8 | 9.4 | 5.6 | 7.7 | 13.3 |
| *Bon korporat, Kasar* | *20.5* | *31.9* | *18.4* | *20.1* | *38.5* |
| *Tolak: Penebusan* | *14.7* | *22.5* | *12.7* | *12.4* | *25.1* |
| **Jumlah** | **39.3** | **60.7** | **25.4** | **33.4** | **58.8** |

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

**Tebitan Bon Korporat Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)**




[1] Termasuk terbitan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am dan juga terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia**




Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh juga lebih tinggi pada RM9.8 bilion (S1 2016: RM6.7 bilion) disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih bon korporat yang lebih tinggi. Dana yang diperoleh dalam pasaran bon swasta adalah terutamanya daripada sektor *Kewangan*, *Insurans*, *Harta Tanah* dan *Perkhidmatan Perniagaan* serta *Pertanian*, *Perhutanan* dan *Perikanan*, dan digunakan terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur, modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

**Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Bon Korporat 5 tahun**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Kadar hasil bon terus menurun pada suku kedua

Trend kadar hasil MGS terus menurun hampir sepanjang suku kedua, terutamanya bagi kertas bertempoh sederhana hingga panjang, disebabkan pembelian oleh bukan pemastautin. Hal ini mencerminkan terutamanya pencarian kadar hasil yang lebih tinggi dalam kalangan pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon berdaulat pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, berikutan peningkatan jangkaan pasaran bahawa terdapat kelewatan dalam kenaikan kadar dasar AS. Pelabur bukan pemastautin menambah pemegangan MGS sebanyak RM10.5 bilion pada suku kedua. Pada akhir bulan Jun 2016, bahagian pemegangan MGS oleh bukan pemastautin mencapai paras tertinggi dalam sejarah sebanyak 49.8% daripada jumlah MGS terkumpul (Mei 2013: 49.5%). Oleh itu, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun 6.8, 5.9 dan 5.8 mata asas. Dalam pasaran bon swasta, kadar hasil kekal stabil disebabkan permintaan daripada pelabur domestik yang berterusan.

**Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Urus niaga lebih tinggi dalam pasaran bon

Urus niaga dalam pasaran sekunder lebih tinggi pada RM286.9 bilion pada suku kedua (S1 2016: RM254.1 bilion) mencerminkan urus niaga bukan pemastautin dan institusi kewangan yang meningkat. Peningkatan jumlah pusing ganti tertumpu terutamanya pada urus niaga MGS yang mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi iaitu 0.44. Segmen bon korporat secara relatif kekal tidak berubah pada 0.08 manakala GII mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah pada 0.37.

## FBM KLCI menurun pada suku kedua

Pada suku kedua 2016, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun 3.7% untuk ditutup pada 1,654.1 mata pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 1,717.6 mata).

Trend menurun dalam FBM KLCI amat jelas terutamanya antara akhir bulan April hingga bulan Mei 2016. Penurunan dalam tempoh ini adalah sejajar dengan kebanyakan pasaran ekuiti serantau apabila sentimen pasaran dunia terus terjejas oleh ketidaktentuan berhubung dengan dasar monetari AS dan turun naik harga minyak mentah dunia. Penurunan ini juga mencerminkan pelupusan pelaburan oleh pelabur bukan pemastautin disebabkan oleh penurunan wajaran Malaysia dalam Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun iaitu tanda aras global bagi ekuiti pasaran sedang pesat membangun. Perkembangan dalam negara yang menyebabkan sentimen pelabur menjadi lebih lemah juga menambah tekanan ke bawah terhadap indeks. Pada bulan Jun, FBM KLCI pulih sedikit kerana pasaran menjangkakan kelewatan dalam kenaikan kadar dasar AS di samping harga minyak dunia yang bertambah baik.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran menurun kepada RM1.66 trilion pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM1.71 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun sedikit kepada 1.77 bilion unit (S1 2016: 1.88 bilion unit) pada suku tersebut.

Pada 10 Ogos 2016, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1673.0 mata (sejak akhir bulan Jun 2016: 1.1%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.69 trilion (sejak akhir bulan Jun 2016: 2.0%).

**Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2016 (% pertumbuhan suku tahunan)**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

**Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih**

| | 2015 | 2016 | |
|---|---|---|---|
| | Pada akhir | | |
| | Jun | Mac | Jun |
| Indeks harga | | | |
| Komposit | 1,706.6 | 1,717.6 | 1,654.1 |
| FBMEMAS[1] | 11,771.9 | 11,920.8 | 11,530.2 |
| Pasaran ACE[2] | 6,220.3 | 5,637.0 | 5,145.1 |
| Permodalan pasaran (RM bilion) | 1,659.0 | 1,707.4 | 1,660.3 |
| Bilangan syarikat yang disenaraikan | 905 | 904 | 905 |
| | Pada tempoh | | |
| | S2 | S1 | S2 |
| Urus niaga harian purata | | | |
| Jumlah (juta unit) | 1,918.0 | 1,875.8 | 1,770.6 |
| Nilai (RM juta) | 2,002.1 | 2,052.2 | 1,996.4 |

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

**Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran**

| | 2015 | | | | 2016 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | | ST1 | | S1 | | S2 | | ST1 | |
| | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion |
| Urus niaga | 120.8 | 126.1 | 245.2 | 254.6 | 112.5 | 124.1 | 111.5 | 125.8 | 224.1 | 249.9 |
| *Antaranya:* | | | | | | | | | | |
| Papan Utama | 72.7 | 114.1 | 148.5 | 231.8 | 76.3 | 117.0 | 75.3 | 118.9 | 151.5 | 235.9 |
| *Antaranya* | | | | | | | | | | |
| Produk Pengguna | 6.2 | 6.2 | 13.7 | 12.6 | 8.8 | 7.3 | 8.1 | 6.9 | 16.9 | 14.2 |
| Produk Industri | 14.3 | 12.4 | 27.0 | 23.4 | 14.6 | 19.3 | 14.2 | 15.7 | 28.8 | 35.0 |
| Pembinaan | 4.6 | 7.0 | 8.3 | 12.9 | 4.1 | 5.3 | 3.9 | 5.2 | 8.0 | 10.6 |
| Dagangan/Khidmat | 31.2 | 52.1 | 63.9 | 107.6 | 30.7 | 48.0 | 30.9 | 51.5 | 61.6 | 99.5 |
| Kewangan | 3.0 | 18.3 | 6.4 | 39.6 | 3.1 | 20.1 | 3.6 | 23.6 | 6.7 | 43.7 |
| Harta Benda | 5.3 | 4.9 | 10.7 | 9.7 | 6.4 | 3.4 | 5.6 | 3.3 | 11.9 | 6.7 |
| Perladangan | 1.0 | 3.4 | 2.0 | 6.9 | 1.6 | 5.9 | 1.5 | 5.6 | 3.1 | 11.5 |
| Infrastruktur | 1.1 | 5.3 | 2.1 | 9.7 | 0.8 | 3.2 | 0.7 | 2.8 | 1.5 | 6.0 |
| Pasaran ACE[1] | 40.3 | 9.9 | 81.5 | 18.7 | 20.5 | 4.1 | 23.2 | 4.5 | 43.8 | 8.6 |

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

## Kelemahan ringgit disebabkan terutamanya oleh faktor luaran

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku kedua disebabkan oleh ketidaktentuan berhubung dengan dasar monetari AS. Walau bagaimanapun, ringgit menghadapi tekanan susut nilai yang lebih besar disebabkan turun naik harga minyak mentah dunia yang berterusan dan wajaran lebih rendah yang diberikan kepada beberapa saham Malaysia semasa proses pengimbangan semula Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun. Namun, sebahagian daripada penyusutan nilai ini telah diimbangi pada bulan Jun berikutan timbul semula jangkaan bahawa kenaikan kadar faedah AS akan ditangguhkan berikutan pengumuman data pasaran guna tenaga AS yang lebih lemah daripada jangkaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.5% berbanding dengan dolar AS pada suku kedua. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.6%) dan yen Jepun (-10.9%), namun menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.3%) dan dolar Australia (0.4%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau antara 0.4% hingga 3.2%.

**Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih**

Peratus Perubahan (1 April - 30 Jun 2016)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Antara 1 Julai hingga 10 Ogos 2016, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.7%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (3.2%) dan euro (0.2%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-0.7%) dan dolar Australia (-2.7%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

**Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih**

| RM bagi satu unit mata wang asing | Pada akhir tempoh | | | % perubahan sejak* | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 2015 | S1 2016 | S2 2016 | S2 2015 | S1 2016 |
| Dolar AS | 3.7855 | 3.9220 | 4.0225 | -5.9 | -2.5 |
| Euro | 4.2364 | 4.4377 | 4.4664 | -5.2 | -0.6 |
| Paun sterling | 5.9527 | 5.6234 | 5.3910 | 10.4 | 4.3 |
| Dolar Australia | 2.9059 | 3.0009 | 2.9899 | -2.8 | 0.4 |
| 100 yen Jepun | 3.0946 | 3.4892 | 3.9145 | -20.9 | -10.9 |
| Dolar Singapura | 2.8096 | 2.9023 | 2.9816 | -5.8 | -2.7 |
| 100 baht Thailand | 11.205 | 11.134 | 11.428 | -2.0 | -2.6 |
| 100 peso Filipina | 8.3899 | 8.5233 | 8.5599 | -2.0 | -0.4 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.0284 | 0.0295 | 0.0305 | -6.9 | -3.2 |
| 100 won Korea | 0.3384 | 0.3427 | 0.3489 | -3.0 | -1.8 |
| 100 dolar Taiwan Baharu | 12.257 | 12.180 | 12.472 | -1.7 | -2.3 |
| Renminbi China | 0.6099 | 0.6064 | 0.6054 | 0.7 | 0.2 |

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Turun naik yang lebih ketara dalam pasaran kewangan menyebabkan peningkatan permintaan untuk derivatif pertukaran asing

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat 20.2% pada asas suku tahunan pada suku kedua 2016 (S1 2016: -8.9%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh jumlah swap mata wang bersilang dan swap pertukaran asing yang lebih tinggi, masing-masing sebanyak 42.7% dan 9.6% berbanding dengan suku sebelumnya. Permintaan terhadap perlindungan nilai meningkat dalam tempoh itu disebabkan pasaran mendapati ketidaktentuan dunia yang lebih nyata berikutan keputusan referendum EU di UK, ketidaktentuan mengenai penentuan masa kenaikan kadar faedah Rizab Persekutuan AS, dan kebimbangan terhadap pertumbuhan dunia dalam keadaan data ekonomi yang lemah di seluruh ekonomi utama.

Pada suku kedua, swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun meningkat kepada 88 mata asas daripada 73 mata asas pada suku sebelumnya. Spread tertinggi dicatatkan pada bulan Jun, sejurus selepas referendum EU di UK berikutan kegiatan penghindaran risiko yang meningkat. Pemastautin mencatat jualan yang lebih tinggi apabila pengeksport menggunakan kesempatan ini untuk melindungi nilai dedahan mata wang asing mereka.